

17,150 kes baharu, 160 korban virus

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Sebanyak 10,032 kes atau 58.5 peratus
adalah pesakit kategori satu tiada gejala

HARIAN METRO (02/08/2021)

MIS 12

Kuala Lumpur

Sebanyak 17,150 kes jangkitan baharu Covid-19 direkodkan, semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu meningkat kepada 1,130,422 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 10,032 kes atau 58.5 peratus adalah pesakit kategori satu iaitu tiada gejala dan 6,373 kes atau 37.2 peratus memabatkan kategori dua yang bergejala ringan.

“Manakala 574 kes adalah pesakit kategori tiga yang mengalami radang paru-paru, kategori empat iaitu radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen (65 kes) dan kategori lima iaitu kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan (106 kes).

“Secara keseluruhannya, hanya 4.3 peratus kes yang dilaporkan hari ini (semalam) berada pada kategori tiga hingga lima iaitu pada mula didiagnosa di mana ia berjumlah 745 kes,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil pendekatan bagi kes kate-



ORANG ramai hadir bagi mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Vaksin Selangor (SelVAX) Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Tropicana Gardens Mall, semalam.

gori satu dan dua yang berisiko rendah untuk dikuarantin atau diisolasi di rumah.

Katanya, seramai 1,059 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 531 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

“Sebanyak 160 kes kematian dilaporkan hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-19 ialah 9,184 kes.

“Sebanyak 11,326 kes sem-

buh direkodkan hari ini (semalam), sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh adalah sebanyak 925,965 kes daripada keseluruhan kes,” katanya.

Beliau berkata, lima negeri masih mencatatkan pertambahan kes empat angka seperti kelmarin.

Katanya, negeri berkenaan ialah Selangor dengan 6,326 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,086 kes); Kedah (1,511 kes); Johor (1,045 kes) dan Sabah (1,002).

“Beberapa negeri mencatatkan pertambahan kes hari ini (semalam) iaitu Pulau Pinang dengan 752 kes; Pahang (676 kes); Sarawak (578 kes) dan Perlis (21 kes).

“Tujuh negeri merekodkan penurunan kes harian berbanding semalam (kelmarin) ialah Negeri Sembilan dengan 809 kes; Perak (693 kes); Melaka (686 kes); Kelantan (459 kes); Terengganu (429 kes); Putrajaya (72 kes) dan Labuan (lima kes),” katanya.